

PERTIMBANGAN ASPEK MODAL SOSIAL SEBAGAI PENGUKUH NILAI KEMANUSIAAN DALAM AKTIVITI MENDERMA DARAH

CONSIDERATION OF SOCIAL CAPITAL IN STRENGTHENING THE HUMANITARIAN VALUES IN BLOOD DONATION ACTIVITY

Juliana Rosmidah Jaafar^{1*}, Chong Sheau Tsuey² dan Khadijah Alavi²

¹Centre for Foundation and General Studies, Infrastructure University Kuala Lumpur, Selangor, MALAYSIA

²Centre for Research in Psychology and Human Well-being, Faculty of Social Science and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding author: juliana.rosmidah@gmail.com

Published online: 30 October 2020

To cite this article: Juliana Rosmidah Jaafar, Chong, S.T. and Khadijah Alavi. 2020. Pertimbangan aspek modal sosial sebagai pengukuh nilai kemanusiaan dalam aktiviti menderma darah. *Kajian Malaysia* 38(2): 161–186. <https://doi.org/10.21315/km2020.38.2.7>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2020.38.2.7>

ABSTRACT

Blood donation is an example of a voluntary action that saves lives of recipients through blood transfusion. Therefore, it is important to investigate motivational aspects that can encourage individuals to continue donating blood. This article aims to explore the potential of social capital in social networks towards blood donation. Data were collected through interviews with 20 blood donors from the National Blood Centre (NBC), Kuala Lumpur. Donors in NBC were invited to join this research. The findings were analysed using thematic analysis. Through the interview, it was found that social capital plays a significant role in blood donation. Informants reported that social capital strengthens humanitarian values in themselves which in turn leads to the consistency in donating blood. This study implies that social capital has the potential to reinforce humanitarian values in the context of blood donation. Blood donation campaigns could use elements in social capital which are trust and reciprocity in social networks to attract more blood donors. Further study is suggested to explore more appropriate methods to reinforce social capital in social networks to encourage more individuals to become blood donors.

Keywords: social capital, blood donation, trust, motivation, social networks

ABSTRAK

Pendermaan darah merupakan contoh tindakan berkaitan kesukarelawan, di mana ia berupaya menyelamatkan nyawa penerima darah menerusi proses transfusi darah. Oleh yang demikian, adalah penting untuk kita meneroka aspek-aspek motivasi yang mendorong individu terus menderma darah. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan temu bual bagi meneroka potensi modal sosial dalam jaringan sosial terhadap tindakan menderma darah. Data dikumpul melalui temu bual bersama 20 orang penderma darah di Pusat Darah Negara (PDN), Kuala Lumpur yang mana data diperolehi melalui persampelan mudah. Penderma darah yang datang ke PDN telah dijemput untuk menyertai kajian ini. Dapatan temu bual telah dianalisis secara bertema. Dapatan temu bual mendapati bahawa aspek modal sosial mempunyai peranan terhadap tindakan menderma darah. Informan kajian melaporkan bahawa modal sosial mengukuhkan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri mereka yang seterusnya membawa kepada tindakan menderma darah secara konsisten. Kajian ini memberikan implikasi bahawa modal sosial mempunyai potensi untuk mengukuhkan nilai-nilai kemanusiaan dalam konteks pendermaan darah. Kempen pendermaan darah boleh menggunakan elemen modal sosial iaitu kepercayaan dan timbal balik dalam jaringan sosial untuk menarik lebih ramai penderma darah. Kajian akan datang disarankan agar meneroka dengan lebih mendalam tentang kaedah yang lebih sesuai untuk mengukuhkan modal sosial dalam jaringan sosial bagi mendorong lebih ramai individu menjadi penderma darah.

Kata kunci: modal sosial, menderma darah, kepercayaan, motivasi, jaringan sosial

PENDAHULUAN

Modal sosial dan tindakan menderma darah bukanlah perkara baharu dalam bidang kajian berkaitan motivasi penderma darah. Hubungan antara kedua-dua aspek berkenaan iaitu berkaitan aspek modal sosial dengan pendermaan darah telah lama diperkatakan oleh Putnam (2000) di mana aspek berkenaan dikaitkan dengan penglibatan individu dalam aktiviti sivik secara umum. Putnam (2000) berpandangan bahawa individu yang melibatkan diri dalam aktiviti sivik misalnya individu yang aktif dalam persatuan atau kelab, umumnya mempunyai nilai kemanusiaan yang lebih tinggi terhadap individu lain. Melalui nilai positif sedemikian, terdapat kemungkinan individu berkenaan sanggup terlibat dalam aktiviti berkonsepkan kebajikan yang lebih besar, seperti menderma darah. Terkini, Stukas, Snyder dan Clary (2016) turut bersetuju bahawa penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan yang bermula dengan jaringan sosial yang lebih

kecil mampu mendorong individu terlibat dalam aktiviti yang lebih luas, seperti kesukarelawan dalam masyarakat. Hal ini disebabkan dalam aktiviti yang berkonsepkan kesukarelawan, individu daripada pelbagai latar belakang tanpa mengira budaya terlibat berkongsi ideologi berkaitan kebajikan.

Sementara itu, Bang, Odio dan Reio (2014) berpandangan bahawa modal sosial mengandungi elemen kepercayaan (sama ada kepada individu mahu pun masyarakat umum) yang berpotensi untuk menjelaskan aspek-aspek peramal terhadap niat penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan. Dalam kajian mereka, modal sosial diuji dalam konteks teori tingkah laku terancang dengan memberikan fokus terhadap niat kesukarelawan. Dapatan kajian berkenaan melaporkan bahawa individu yang mempraktikkan kepercayaan terhadap masyarakat menjelaskan sikap positif terhadap niat atau keinginan untuk terlibat dalam aktiviti sosial. Ringkasnya, kajian Bang, Odio dan Reio (2014) mencadangkan bahawa nilai kepercayaan mengukuhkan sikap positif yang mendorong individu untuk kekal dalam aktiviti kesukarelawan.

Walaupun modal sosial dan teori tingkah laku terancang tidak diuji secara langsung dalam konteks pendermaan darah, pengkaji seperti Gonçalez et al. (2013) dan Oliveira et al. (2013) melaporkan bahawa kedua-dua aspek berkenaan saling berkaitan. Kajian oleh Gonçalez et al. (2013) mencadangkan bahawa modal sosial yang berlaku dalam kalangan penderma darah mempunyai kaitan dengan aspek altruisme (elemen yang pernah diuji dalam Teori Lanjutan Tingkah Laku Terancang) yang merupakan pendorong terhadap tindakan menderma darah. Ringkasnya, modal sosial yang wujud dalam jaringan sosial antara penderma darah berupaya memotivasikan individu dalam menderma darah.

Walaupun kajian terdahulu telah melaporkan peranan modal sosial dalam konteks kesukarelawan penderma darah, namun, pengujian aspek berkenaan terhadap niat menderma darah masih belum dijalankan sepenuhnya. Sebaliknya, kajian terdahulu hanya melaporkan peranan modal sosial sebagai salah satu daripada faktor pendorong terhadap tindakan menderma darah (Gonçalez et al. 2013). Dalam erti kata lain, modal sosial dalam kajian lalu mencadangkan bahawa aspek berkenaan mempunyai peranan sebagai pendorong terhadap nilai-nilai kemanusiaan seperti altruisme. Namun, ia tidak menjelaskan bagaimana aspek modal sosial ini boleh mendorong nilai altruisme yang membawa tindakan menderma darah. Memandangkan modal sosial mempunyai potensi dalam menjelaskan penglibatan dalam menderma darah, maka, artikel ini bertujuan meneroka bagaimana aspek modal sosial dapat menjelaskan motivasi menderma darah dalam konteks kemanusiaan.

TINJAUAN LITERATUR

Dalam bahagian ini, tinjauan literatur dibahagikan kepada sub-topik berdasarkan aspek modal sosial serta aspek berkaitan kesukarelawan dan pendermaan darah.

Pemahaman Definisi Aspek Modal Sosial

Secara umum, definisi modal sosial masih belum mempunyai takrifan yang mutlak. Sebaliknya, definisi-definisi dalam kajian terdahulu cenderung untuk mengaitkannya dengan aspek jaringan sosial, nilai dalam hubungan berkenaan serta kebaikan yang terhasil melalui kerjasama dalam rangkaian individu. Maka, dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan istilah modal sosial dan seterusnya pengaplikasian aspek berkenaan dalam aktiviti kesukarelawan. Bahagian ini dimulakan dengan membincangkan secara ringkas definisi modal sosial yang dikemukakan oleh Hanifan [1916, dipetik dalam Pooley, Cohen dan Pike (2005)],

Individu adalah lemah seandainya dibiarkan bersendirian. Jika individu berkenaan berhubung dengan jirannya, dan mereka pula berhubung dengan kumpulan jiran yang lain, maka akan berlaku perkembangan modal sosial, ...mewujudkan potensi sosial yang boleh membawa kepada penambahbaikan kehidupan komuniti secara keseluruhan.

Berdasarkan pendapat berkenaan, Hanifan (1916) menjelaskan bahawa kekuatan individu wujud apabila menjadi satu entiti yang berkumpulan. Beliau mencadangkan bahawa kelemahan yang wujud apabila individu berada secara berseorangan boleh diatasi apabila wujudnya jaringan sosial. Melalui jaringan berkenaan, potensi individu dan masyarakat dapat dikenal pasti seterusnya berupaya membawa kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Dalam erti kata lain, Hanifan (1916) melihat modal sosial sebagai potensi sosial yang bermula dengan interaksi antara individu dalam jaringan sosial. Konsep modal sosial Hanifan (1916) berkaitan potensi sosial turut diguna pakai oleh Bourdieu (1983). Bourdieu (1983) menganggap bahawa modal sosial merupakan potensi yang wujud dalam jaringan individu. Dalam pada itu, Bourdieu (1983) berpandangan bahawa potensi bekerjasama dalam jaringan sosial wujud tanpa mengira sama ada hubungan berkenaan kukuh atau sebaliknya. Dalam erti kata lain, aspek potensi dalam konteks sosial tidak memerlukan individu mempunyai hubungan yang rapat dengan yang lain dalam jaringan sosialnya. Beliau beranggapan walaupun hubungan antara individu dalam jaringan sosial tidak rapat, keadaan berkenaan masih mempunyai potensi untuk menggerakkan aktiviti berkebakikan. Dalam erti kata lain, Putnam (2000), Hanifan (1916) dan Bourdieu (1983) berpendapat bahawa modal sosial merupakan potensi kerjasama

yang menghubungkan individu dalam pelbagai set jaringan sosial boleh membawa faedah bersama, tanpa mengambil kira sama ada hubungan berkenaan adalah rapat atau sebaliknya.

Sementara itu, konsep modal sosial yang diberikan oleh Putnam (2000) dan Coleman (1988) mengandungi persamaan berkaitan dua elemen iaitu kepercayaan dan timbal balik. Konsep modal sosial oleh Putnam (2000) mengaitkan kepercayaan sebagai nilai yang wujud dalam jaringan sosial. Putnam (2000) berpandangan bahawa kepercayaan yang wujud dalam jaringan individu dengan yang lain akan mengukuhkan rasa kepunyaan terhadap masyarakat. Dalam erti kata lain, perasaan positif ini sebagai dorongan untuk individu kekal dalam aktiviti berkebajikan sosial. Hal ini disebabkan tindakan yang dilakukan atas dasar mempercayai individu yang lain, selalunya akan mendorong individu untuk mengekalkan keadaan demikian. Putnam (2000) melihat situasi yang menggambarkan hubungan timbal balik atas dasar kepercayaan ini sebagai aset bersama dalam masyarakat yang dapat mengekalkan keharmonian.

Dalam konteks berasingan, Coleman (1988) berpandangan bahawa kepercayaan tidak wujud dengan sendirinya, tetapi dibentuk melalui proses sosialisasi semasa individu di peringkat kanak-kanak lagi. Beliau melihat peranan ibu bapa penting sebagai agen sosialisasi yang membentuk kepercayaan individu kepada jaringan sosial yang lebih luas; rakan, sekolah mahupun institusi formal. Coleman (1988) berpandangan bahawa kombinasi timbal balik dan nilai kepercayaan individu dalam struktur sosial berperanan menyalurkan informasi yang menggerakkan tindakan berkumpulan. Herian et al. (2014) turut berpendapat bahawa dimensi kepercayaan sosial sebagai kunci utama dalam sesebuah masyarakat. Individu yang mengamalkan kepercayaan sosial adalah lebih terbuka dalam mempercayai sistem masyarakat dan lebih cenderung untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan masyarakat. Jadual 1 menunjukkan ringkasan definisi modal sosial berdasarkan pendapat pengkaji-pengkaji terdahulu.

Jadual 1: Ringkasan definisi modal sosial

Pengkaji terdahulu	Ringkasan definisi modal sosial
Hanifan (1916)	<ul style="list-style-type: none">• Individu kuat apabila menjadi satu entiti yang berkumpulan.• Potensi individu dan masyarakat dapat dikenal pasti dalam jaringan sosial yang membawa kepada kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.
Bourdieu (1983)	<ul style="list-style-type: none">• Potensi yang wujud dalam jaringan individu tanpa mengira sama ada hubungan berkenaan adalah kukuh atau tidak.

(bersambung)

Jadual 1: (sambungan)

Pengkaji terdahulu	Ringkasan definisi modal sosial
Putnam (2000)	<ul style="list-style-type: none">• Terdiri daripada tiga elemen utama iaitu jaringan sosial, kepercayaan dan nilai yang menggalakkan kerjasama antara individu dalam persekitarannya untuk kebaikan bersama.• Mengandungi konsep <i>bridging</i> dan <i>bonding</i> sebagai gambaran terhadap hubungan sosial.
Coleman (1988)	<ul style="list-style-type: none">• Tindakan kolektif merupakan hasil daripada pegangan nilai kepercayaan, timbal balik dan kerjasama.• Keluarga adalah penting sebagai agen sosialisasi.• Kombinasi antara struktur sosial dan nilai individu dapat menyalurkan informasi dan pengaruh.
Narayan dan Cassidy (2001)	<ul style="list-style-type: none">• Mengandungi tujuh elemen iaitu karektor kumpulan, nilai umum, rasa bersama, sosialisasi harian, kesukarelawan, kepercayaan dan timbal balik.
Herian et al. (2014)	<ul style="list-style-type: none">• Kepercayaan adalah kunci dalam modal sosial.• Amalan mempercayai individu lain akan mendorong seseorang terlibat dengan aktiviti berkonsepkan kemasyarakatan.

Elemen dalam Modal Sosial: Kepercayaan dan Timbal Balik

Bahagian ini menjelaskan tentang elemen-elemen yang wujud dalam konteks modal sosial dengan memberi tumpuan terhadap aspek kepercayaan dan timbal balik. Coleman (1988) menggambarkan modal sosial sebagai tindakan kolektif. Pada pandangan beliau, tindakan secara kolektif dalam sesebuah kumpulan atau organisasi merupakan tindakan berkumpulan yang dihasilkan melalui pegangan nilai kepercayaan, timbal balik dan kerjasama. Individu yang mengamalkan kepercayaan sosial dalam jaringannya adalah lebih terbuka dalam mempercayai sistem masyarakat dan lebih cenderung untuk terlibat dalam aktiviti yang berkaitan dengan masyarakat. Secara ringkasnya, konsep modal sosial menjelaskan kewujudan elemen kepercayaan dan timbal balik dalam sesebuah jaringan sosial. Kedua-dua elemen berkenaan membentuk modal sosial yang berkepentingan dalam menjana pengekal aktiviti yang berbentuk kebajikan.

Sementara itu, Christopoulos dan Vogl (2015) turut mengaitkan aspek kepercayaan sebagai elemen utama dalam modal sosial. Mereka beranggapan bahawa kepercayaan merupakan satu aspek nilai yang boleh berkembang dalam sesebuah jaringan sosial. Secara khusus, Christopoulos dan Vogl (2015) menjelaskan interaksi dalam kumpulan yang kecil bergantung kepada norma kepercayaan umum. Dalam erti kata lain, individu yang mempunyai nilai kepercayaan kepada individu lain akan mempamerkan interaksi yang positif

dalam jaringan sosialnya. Interaksi positif ini dianggap sebagai ciri sosial yang baik di mana keadaan ini dijangka akan diperluaskan kepada jaringan individu yang lebih umum. Bagi mengaplikasikan nilai kepercayaan ini, individu sanggup bertimbal balik kepada individu lain. Tambahan lagi, Christopoulos dan Vogl (2015) menyatakan bahawa melalui kepercayaan dan timbal balik antara individu umum ini, maka, modal sosial umum atau generalisasi akan terus diperkukuhkan dalam diri seseorang. Ringkasnya, Christopoulos dan Vogl (2015) melihat kualiti jaringan sosial yang baik dalam konteks komuniti yang kecil boleh diperluaskan kepada modal sosial generalisasi (MSG) yang merangkumi kepercayaan kepada individu secara umum.

Berdasarkan pandangan Christopoulos dan Vogl (2015), pengkaji merumuskan bahawa modal sosial merupakan kualiti hubungan terhadap individu umum yang dipegang melalui elemen utama iaitu kepercayaan dan timbal balik. Hal ini disebabkan melalui nilai kepercayaan yang dipegang dalam diri individu, keadaan ini akan membawa kesanggupan untuk bertimbal balik terhadap individu lain. Secara keseluruhan, pengkaji bersetuju bahawa modal sosial yang mengandungi elemen kepercayaan dan timbal balik dilihat sebagai pemangkin terhadap tindakan kerjasama masyarakat. Pengkaji berpandangan bahawa untuk menggerakkan aktiviti yang berkonsepkan kebaikan bersama, perlu mempunyai unsur kepercayaan antara ahli bahawa tindakan yang dilakukan adalah untuk kepentingan bersama, bukannya untuk faedah persendirian. Manakala timbal balik yang wujud dalam jaringan masyarakat merupakan tindakan yang dilakukan atas dasar kepercayaan bahawa tingkah laku bertujuan untuk kebaikan bersama.

Bagaimana kepercayaan dan timbal balik boleh menjadi aset dalam masyarakat? Putnam (2000) berpandangan bahawa aset dalam modal sosial dapat memberikan kebaikan kepada masyarakat melalui perkongsian maklumat, keselamatan, bantuan serta sokongan sosial. Oleh kerana modal sosial dikaitkan dengan kebaikan bersama, maka, Putnam (2000) mengandaikan bahawa tindakan kesukarelawan mencerminkan aspek berkenaan melalui perkongsian nilai antara individu dalam jaringan sosial. Hal ini disebabkan individu yang berkongsi nilai timbal balik lebih cenderung untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti berkumpulan yang melibatkan kerjasama. Maka, kepercayaan antara ahli dalam persatuan dan perkongsian nilai timbal balik berupaya menggerakkan sesebuah aktiviti yang berkonsep kolektif. Selain itu, Putnam (2000) turut melihat bahawa kepercayaan dan timbal balik sebagai elemen yang wujud dalam konteks jaringan umum atau luas. Beliau berpandangan bahawa walaupun aspek berkenaan diaplikasikan dalam jaringan luas, namun ia masih berupaya menggerakkan individu dalam aktiviti kebaikan. Putnam (2000) memberikan contoh, “individu A membantu B bukan disebabkan pengaruh pada B, begitu juga dengan alasan bahawa B akan membantunya pada masa kini. Namun, bantuan diberikan kepada B dengan andaian bahawa B atau sesiapa sahaja akan memberikan bantuan yang sama

kepada A jika A memerlukannya pada sebarang masa". Contoh yang diberikan oleh Putnam (2000) menggambarkan bahawa kunci kepada tindakan membantu adalah di mana seseorang mempercayai bahawa individu lain akan memberikan bantuan kepadanya, dan dalam masa yang sama mempercayai bahawa bantuan yang diberikan akan dibalas. Putnam (2000) menggambarkan hubungan yang rapat melalui kepercayaan yang tinggi antara ahli dalam jaringan sosial. Dalam hubungan yang rapat, ahli-ahli dalam jaringan sosial berkenaan mungkin mempunyai persamaan latar belakang atau ideologi yang sama, di mana wujud keadaan saling memberikan sokongan dalam pelbagai bentuk. Sokongan tersebut seperti kewangan, buah fikiran, masa mahupun tenaga. Manakala konsep hubungan luaran atau formal lebih menjurus kepada perhubungan dalam jaringan sosial di mana wujud ikatan lemah antara ahli-ahlinya. Hal ini berlaku apabila dalam jaringan berkenaan, ahli-ahli yang wujud adalah berbeza daripada aspek latar belakang. Sementara konsep *linking* merujuk kepada istilah yang digunakan untuk menggambarkan hubungan antara individu dengan organisasi.

Sementara itu, Adler dan Kwon (2002) turut bersetuju bahawa modal sosial sebagai aset yang dapat menggerakkan individu dalam aktiviti secara kolektif. Tindakan kolektif adalah penting dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti kesukarelawan. Modal sosial yang mengandungi konsep baik hati (*goodwill*) dalam individu atau kumpulan dapat menyalurkan maklumat, pengaruh dan rasa kesatuan, bukan sahaja kepada individu, malahan kepada kumpulan jaringan sosial yang lebih besar. Dalam istilah berkenaan, Adler dan Kwon (2002) bukan sahaja berpandangan bahawa kepercayaan dan timbal balik sebagai fokus utama dalam jaringan sosial. Sebaliknya, mereka berpandangan bahawa konsep baik hati boleh wujud dalam sebarang jaringan sosial, tanpa mengira sama ada ia rapat atau sebaliknya. Melalui konsep baik hati, aspek berkenaan boleh wujud dalam sebarang bentuk perhubungan sosial. Rumusannya, modal sosial merupakan satu konsep yang mengaitkan individu dengan yang lain, sama ada yang dikenali mahupun umum melalui elemen kepercayaan dan timbal balik dalam jaringan sosial.

Potensi Modal Sosial dalam Jaringan Sosial Sukarelawan

Pengkaji beranggapan bahawa wujud keperluan memahami aspek jaringan sosial iaitu dalam konteks jaringan kesukarelawan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Flanagan et al. (2015), individu yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawan mempunyai persepsi yang positif terhadap individu lain dalam jaringan sosial mereka. Dalam pada itu, Putnam (2000) turut berpendapat bahawa modal sosial mampu mengukuhkan perasaan positif seperti rasa kepunyaan terhadap masyarakat dan organisasi yang seterusnya mendorong seseorang untuk kekal dalam aktiviti kesukarelawan. Putnam (2000) juga

berpendapat bahawa kepercayaan yang wujud dalam jaringan kesukarelawan dan organisasi menguatkan rasa kepunyaan terhadap nilai kesukarelawan yang dipersetujui bersama, seterusnya mendorong seseorang untuk kekal dalam aktiviti kesukarelawan. Hal ini disebabkan individu yang mempunyai rasa kepunyaan dalam sesebuah organisasi kesukarelawan lebih cenderung untuk terus berada dalam keadaan berkenaan. Putnam (2000) berpendapat bahawa perasaan positif ini sebagai dorongan untuk individu kekal dalam aktiviti kebajikan sosial, di mana ia dipersepsikan sebagai “memberi semula kepada masyarakat”. Salah satu daripada aktiviti yang mengekalkan nilai kerjasama dan memberikan kebaikan kepada individu lain adalah aktiviti kesukarelawan. Melalui jaringan sosial, kepercayaan dan nilai merupakan elemen yang dapat mengekalkan kebaikan untuk masyarakat melalui aktiviti sukarela. Ia bermula dengan nilai perseorangan yang menghubungkan individu lain dalam jaringan sosialnya, dan seterusnya menjadi satu nilai kolektif untuk kebaikan masyarakat. Dalam erti kata lain, Putnam (2000) mencadangkan bahawa faktor nilai dan kepercayaan menggerakkan individu berhubung dalam jaringan sosialnya untuk terus terlibat dalam aktiviti kebajikan.

Selain itu, nilai kemanusiaan seperti aspek tanggungjawab sosial terhadap niat melakukan aktiviti kebajikan telah diuji dalam kajian Caspersz dan Oлару (2015). Mereka mendapati bahawa modal sosial yang diuji melalui penglibatan sivik menjelaskan hubungan antara rasa bertanggungjawab dan niat untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan. Dalam kajian berkenaan, Caspersz dan Oлару (2015) mendapati responden yang aktif dalam persatuan melaporkan mereka berasa lebih bertanggungjawab untuk membantu individu lain. Berdasarkan dapatan berkenaan, Caspersz dan Oлару (2015) berpendapat bahawa jaringan sosial dalam persatuan dapat membentuk nilai dalaman individu yang membawa kepada keinginan untuk memberikan bantuan kepada individu yang memerlukannya.

Seterusnya, Stukas, Snyder dan Clary (2016) mencadangkan bahawa individu yang mengamalkan kepercayaan terhadap jaringan sosialnya akan cenderung untuk menjayakan perhubungan berkenaan. Salah satu daripada cara untuk menjayakan perhubungan dalam konteks modal sosial adalah melalui perlakuan ahli-ahli dalam jaringan sosial berkenaan. Pandangan ini setara dengan pandangan Wise dan Driskell (2017) yang menyatakan nilai kepercayaan boleh mempengaruhi penglibatan seseorang dalam aktiviti prososial. Melalui hubungan jaringan sosial, individu cenderung untuk melakukan sesuatu yang dianggap mampu memberikan perasan positif (seperti rasa berpuas hati) kepada individu lain. Justeru, kegagalan untuk memenuhi jangkaan individu lain, berkemungkinan akan mewujudkan perasaan negatif seperti kekecewaan atau menyesal. Ringkasnya, kepercayaan mewujudkan emosi positif kepada diri seseorang dan boleh bertindak sebagai pengukuh kepada aktiviti yang berfaedah untuk masyarakat.

Individu yang telah menyertai aktiviti kesukarelawan, terutama melalui kelab atau persatuan turut membina identiti sebagai sukarelawan apabila dikenali dalam jaringan sosialnya. Misalnya dalam kajian yang dijalankan oleh Lu dan Schuett (2014) mendapati modal sosial berupaya menjelaskan hubungan antara aspek identiti sukarelawan dengan niat. Dalam kajian berkenaan, Lu dan Schuett (2014) berpandangan bahawa individu yang melibatkan diri secara konsisten dalam aktiviti masyarakat akan membina identiti tertentu yang berkait rapat dengan kesukarelawan. Selain itu, kajian Lu dan Schuett (2014) juga mendapati bahawa responden yang melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan disebabkan pengaruh individu lain mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk terlibat dalam aktiviti sedemikian secara berterusan. Dalam erti kata lain, melalui identiti yang dibina dalam kelab atau persatuan mampu mendorong pengukuhan niat untuk terus terlibat dalam sesebuah aktiviti bersama-sama ahli lain.

Begitu juga dengan pendermaan darah yang merupakan sebahagian daripada cabang aktiviti kesukarelawan. Peranan modal sosial telah disarankan sebagai salah satu daripada aspek yang berpotensi untuk menggerakkan tindakan menderma darah (Sato et al. 2014). Kajian Sato et al. (2014) melaporkan bahawa modal sosial berpotensi sebagai sebagai agen pengukuhan yang menggalakkan orang ramai untuk menyertai aktiviti dalam komuniti. Dapatan mereka mencadangkan bahawa sukarelawan yang mempunyai modal sosial yang kukuh dalam jaringannya, berupaya menjadikan ahli kelab lebih aktif. Sato et al. (2014) berpandangan bahawa individu yang mendapat kepercayaan daripada anggota jaringan sosial yang lain cenderung untuk mengekalkan imej atau reputasinya, sekaligus membawa kepada penglibatan yang lebih aktif. Ringkasnya, sumbangan modal sosial dalam konteks pendermaan darah telah dibangkitkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang mana dapatan kajian mencadangkan potensi modal sosial dalam konteks penglibatan aktiviti berkenaan.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan secara penerokaan. Bagi meneroka aspek-aspek kajian, kaedah temu bual ke atas penderma darah ulangan berkala (PDUB) telah dijalankan. Pemilihan kaedah ini sejajar dengan objektif kajian yang bertujuan memahami dengan lebih lanjut aspek modal sosial dalam menjelaskan motivasi menderma darah dalam konteks kemanusiaan.

Pemilihan Informan Kajian

Temu bual ini melibatkan seramai 20 orang PDUB (11 Melayu, 6 Cina dan 3 India) sebagai informan kajian. Dalam kajian ini, informan diperoleh melalui persampelan bertujuan dengan tiga kriteria telah dijalankan ke atas penderma darah yang menderma di Pusat Darah Negara (PDN), Kuala Lumpur iaitu:

1. Merupakan PDUB (lima kali pendermaan dalam tempoh dua tahun terkini),
2. Menderma di unit bekalan darah (bukan di lokasi kempen menderma darah), dan
3. Penderma darah keseluruhan komponen darah.

Individu penderma darah yang menderma di PDN semasa kajian dijalankan telah dipelawa untuk melibatkan diri sebagai informan kajian melalui surat jemputan yang diedarkan semasa mereka mengisi borang untuk menderma darah. Melalui surat jemputan berkenaan, penderma darah yang memberikan persetujuan untuk terlibat dalam kajian ini telah dihubungi untuk sesi temu bual. Sesi temu bual dijalankan secara selari dengan maklumat yang diperoleh. Dalam kaedah ini, data temu bual telah ditranskrip sebaik sahaja sesi temu bual selesai dijalankan. Melalui kaedah ini, pengkaji berupaya mengenal pasti maklumat awalan berkaitan aspek yang dikaji. Proses menghubungi penderma darah sebagai informan kajian dihentikan apabila maklumat telah mencapai tahap tepu (*saturated*) bagi aspek modal sosial dan motivasi menderma darah. Di akhir sesi temu bual, sebanyak 20 orang penderma darah telah terlibat sebagai informan.

Pengumpulan Data Melalui Kaedah Temu Bual

Sebanyak 11 sesi temu bual separa struktur secara berasingan telah dijalankan dalam tempoh tiga bulan (Julai hingga September 2012). Sesi berkenaan dijalankan berdasarkan kesesuaian masa dan lokasi yang diminta oleh informan sendiri. Sesi temu bual berlangsung antara 35 minit hingga 2 jam. Setiap informan yang dijemput menyertai kajian ini telah diberikan penjelasan berkaitan objektif kajian dan sebelum sesi temu bual dimulakan, satu set borang persetujuan antara informan dan pengkaji telah ditandatangani. Dalam borang persetujuan berkenaan, kedua-dua pihak bersetuju bahawa dapatan kajian ini hanya digunakan untuk tujuan penulisan akademik.

Instrumen Kajian

Topik dalam temu bual dibina berdasarkan kajian terdahulu sebagai panduan (Charng, Piliavin dan Callero 1988; France, France dan Himawan 2007; Godin et al. 2007; Lemmens et al. 2009; Masser et al. 2008). Topik-topik berkenaan merangkumi aspek-aspek kemanusiaan informan terhadap niat dan tindakan mereka menderma darah seperti sikap, norma subjektif, efikasi diri, identiti penderma darah, tabiat menderma darah dan motivasi umum.

Analisis Data

Maklumat temu bual telah dianalisis secara manual dan bertema bagi membolehkan pengkaji meneliti setiap maklumat secara jelas berkaitan makna yang tersirat dalam setiap data. Cara berkenaan membolehkan pengkaji memahami dengan lebih mendalam berkaitan aspek-aspek kajian, berbanding penggunaan perisian kualitatif seperti NVivo yang lebih menjurus kepada pengumpulan maklumat berdasarkan perkataan. Dalam maklumat berkenaan, pengkaji telah mengenal pasti maklumat yang berkait rapat dengan tema kajian berdasarkan ayat dialog PDUB. Berdasarkan maklumat berkenaan, ayat dialog informan telah dimasukkan dalam kategori tema yang menunjukkan modal sosial dan nilai kemanusiaan terhadap aktiviti pendermaan darah. Bagi kesahan data, pengkaji menggunakan kaedah semakan silang informan, refleksi pengkaji dan jejak audit.


HASIL KAJIAN

Hasil temu bual mendapati modal sosial berperanan sebagai faktor pengukuh terhadap aspek-aspek psikologi dalam konteks pendermaan darah. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan-kenyataan informan yang mengaitkan aspek modal sosial dalam konteks kepercayaan dan timbal balik dengan aspek psikologi yang ada dalam diri mereka. Berdasarkan perkongsian informan, modal sosial dapat dibahagikan kepada dua aspek iaitu modal sosial antara penderma darah (MSPD) dengan MSG.

Secara terperinci, MSPD yang wujud dalam jaringan sosial penderma darah adalah berkaitan ahli keluarga, rakan mahupun PDN. Informan menganggap bahawa MSPD yang wujud mengukuhkan sikap positif, meningkatkan efikasi diri, norma subjektif, tanggungjawab sosial dan sifat berkebakjikan serta dalam masa yang sama membantu mengekalkan tabiat menderma darah secara berkala.

Manakala MSG sebagaimana yang dipersepsikan oleh informan yang melibatkan kepercayaan dan timbal balik kepada individu umum didapati mengukuhkan kepekaan berempati dalam kalangan informan temu bual.

Sementara aspek jangkaan penyesalan dan altruisme tidak dikaitkan dengan MSPD mahupun MSG oleh informan kajian ini. Rajah 1 merumuskan peranan modal sosial terhadap aspek psikologi informan. Seterusnya, penjelasan dalam bahagian ini dimulakan dengan domain-domain yang dipengaruhi oleh MSPD dan disusuli dengan MSG.



Rajah 1: Modal sosial sebagai pendorong aspek psikologi terhadap niat menderma darah dalam kalangan penderma darah.

MSPD dan Aspek-aspek Kemanusiaan Penderma Darah

Informan mengaitkan sikap positif terhadap aktiviti menderma darah sebagai produk atau hasil daripada kepercayaan terhadap individu dalam jaringan sosial (Informan A, B, E, F, G, H, I, J, L, N, O, Q, R, S dan T). Dalam konteks MSPD, informan menjelaskan bahawa maklumat yang diberikan oleh penderma darah lain mengukuhkan sikap positif yang wujud dalam diri mereka terhadap aktiviti ini. Contohnya:

Sebelum derma, memang saya tahu bagus menderma darah ni. Sebelum mula nak derma, memang dah ingin, tapi macam tak ada dorongan. Tapi

bila Informan I sebutkan pada saya yang menderma darah ni mulia dan saya mula mencuba sebab dia ajak, makin saya yakin la yang memang derma darah ni baik. Tu yang buat saya nak terus menderma darah lagi. Lagipun saya dengan dia tak ada apa-apa yang rahsia, apa dia cakap tu saya tahu betul lah. (Informan H)

Informan turut menjelaskan bahawa efikasi diri, iaitu keyakinan diri untuk melaksanakan aktiviti menderma darah secara berterusan adalah disebabkan dorongan dalam konteks MSPD (Informan L, M, P dan Q). Bagi informan, mereka mendapat dorongan untuk lebih yakin dalam menderma darah disebabkan individu yang mendorong mereka merupakan seseorang yang dipercayai.

Macam saya dengan Informan M ni, memang kami selalu ingatkan la untuk sama-sama derma darah. Kita dengan dia pun dah macam ahli keluarga, sama-sama kongsi masalah, sama-sama habiskan masa. Kita ni memang tak kan ada tikam belakang (*back stabbing*) punya hubungan (*relationship*). Jadi, bila dah ada kawan yang selalu ingatkan ni kan, kita pun rasa makin kita boleh derma darah pada hari yang kita dah set tu, pasal sama-sama ingatkan. (Informan L)

Bagi segelintir informan, mereka menjelaskan bahawa norma subjektif sebagai penderma darah dirasai dalam hubungan dengan penderma darah lain. Tekanan sosial untuk menderma darah lebih ketara dalam kalangan informan yang turut mempunyai ahli keluarga penderma darah. Menurut Informan G, tekanan untuk beliau terus menderma darah datang daripada isterinya. Walaupun begitu, Informan G melihat keadaan yang berlaku sebagai satu timbal balik dengan penderma darah lain untuk sama-sama terus menderma darah dan menjaga keharmonian keluarga.

Isteri saya, selalu paksa saya pergi lah. Dia paksa saya pergi, bila dia dah pergi derma darah. Kerana awak tau, memang rasa tekanan juga lah mau dengar dia paksa saya pergi. Tapi saya terus pergi juga lah, pasal tak mau bising-bising dekat rumah. Dia jaga saya, saya pun kena jaga dia la dia punya hati, sama-sama. (Informan G)

Seterusnya, peranan MSPD yang positif terhadap rasa tanggungjawab sosial turut dikongsi oleh informan kajian ini. Bagi kebanyakan informan, MSPD turut melibatkan kepercayaan terhadap pusat pengurusan bekalan darah (Informan B, I, E, J, N, O, P, Q, R dan S). Informan menjelaskan bahawa mereka mempercayai peranan yang dimainkan oleh pusat pengurusan bekalan darah yang tidak akan mempersiapkan sumbangan darah yang diberikan. Menurut Informan N, “Untuk saya, saya tak pakai percaya pada penerima darah. Saya percaya pada PDN yang akan agihkan darah saya dengan baik”.

Selain itu, bagi Informan A, I, P, Q, L dan M, mereka turut menjelaskan bahawa tindakan menderma darah secara konsisten dalam tempoh dua tahun terkini didorong oleh perhubungan timbal balik dengan penderma darah dalam jaringan sosial mereka. Menurut Informan A, “Ada masa mereka naik kereta saya. Kadang-kadang kalau saya malas, saya boleh harap la mereka untuk ambil saya dan hantarkan saya ke PDN untuk derma darah. Memang dah tahu dah, tu yang boleh kekal je derma darah ni”.

Selain itu, temu bual mendapati bahawa sifat berkeabajikan informan diperkukuhkan oleh MSPD melalui hubungan timbal balik antara penderma darah dan pusat pengurusan bekalan darah. Rasa positif seperti kegembiraan apabila dapat menderma darah dianggap oleh informan sebagai hubungan timbal balik antara mereka dengan pihak pengurusan bekalan darah (Informan F, K, L dan O). Melalui aktiviti pendermaan darah, informan berpandangan aktiviti tersebut mengembirakan hati penyumbang, dan pada masa yang sama pusat pengurusan bekalan darah dapat menyalurkan sumbangan darah kepada individu yang memerlukan.

Saya rasa kepuasan dengan apa yang dapat saya sumbangkan. Bukan apa, bila rasa puas, makin kita nak teruskan apa yang kita buat lah. Saya anggap hubungan dengan pihak PDN saling perlukan. Memang dia perlukan penderma darah kan. Kita pula bila dah buat, rasa macam puas, rasa *booster* nak teruskan kerja kita. Dia pulak (PDN) buat kerja dia, salurkan darah pada mana yang patut. Dua-dua dapat manfaat. (Informan L)

MSG dan Aspek-aspek Kemanusiaan Penderma Darah

Dalam temu bual ini juga pengkaji mendapati faktor MSG turut dilaporkan sebagai pengukuh terhadap kepekaan berempati informan. Informan mengaitkan peranan aspek kepercayaan terhadap individu umum yang membantu informan melihat keperluan darah untuk individu lain yang memerlukannya. Informan K dan O berkongsi pengalaman membantu mangsa kemalangan jalan raya yang seterusnya diakui memberi kesan mendalam terhadap rasa empati dalam diri mereka.

Bagi saya, saya punya pengalaman, saya orang pertama yang jumpa satu lelaki ni, masa tu gelap lagi, pagi. Nak berhenti mula, memang takut sebab takut lakonan ke, orang jahat simbah cat merah untuk perangkap mangsa ke, tapi saya redah je masa tu. Percaya je la, ni bukan lakonan ni. Bila nampak dia dah terbaring, saya terus teringat dia ni mesti nak darah bila sampai hospital. Saya percaya dia, saya rasa macam dia (mangsa) adalah saya. Bila teringat pasal orang yang saya tolong tu, saya teruskan derma ni. (Informan K)

Temu bual ini walau bagaimanapun mendapati bahawa MSPD dan MSG tidak dikaitkan oleh mana-mana informan dengan jangkaan penyesalan dan altruisme. Dalam erti kata lain, kedua-dua aspek psikologi tidak dikukuhkan oleh sebarang faktor modal sosial. Secara keseluruhan, modal sosial dalam kajian ini dilihat memainkan peranan sebagai pengukuh terhadap nilai-nilai kemanusiaan informan yang membawa kepada dorongan penglibatan yang berterusan dalam aktiviti menderma darah.

PERBINCANGAN

Dapatan temu bual menggambarkan aspek-aspek motivasi psikologi berkenaan wujud dalam diri penderma darah disebabkan kehadiran modal sosial dalam jaringan sosial informan. Modal sosial yang dinyatakan oleh PDUB merujuk kepada dua aspek utama iaitu kepercayaan dan timbal balik. Dua elemen berkenaan iaitu kepercayaan dan timbal balik walau bagaimanapun berbeza mengikut jenis kekuatan hubungan iaitu akrab (*bonding*), tidak akrab, iaitu luaran (*bridging*) dan dengan institusi pengurusan bekalan darah (*linking*). Dalam kajian ini, hubungan akrab dilaporkan oleh informan terhadap individu penderma darah lain dalam jaringan penderma darah. Manakala hubungan yang lebih bersifat luaran wujud dalam konteks informan-individu umum yang menggambarkan keadaan yang tidak rapat dan bersifat umum. Sementara itu, hubungan dengan institusi pengurusan bekalan darah, iaitu PDN turut dilaporkan oleh informan. Ketiga-tiga jenis hubungan ini wujud sama ada dalam MSPD dan MSG yang mendorong aspek psikologi informan terhadap niat menderma darah.

Dalam kajian ini, kehadiran MSPD yang merupakan kepercayaan dan timbal balik wujud dalam jaringan akrab sesama penderma darah. Informan menggambarkan keakraban dalam hubungan berkenaan melalui tindakan pergi bersama-sama untuk menderma darah, saling menganggap seperti bersaudara atau sekeluarga, meluangkan masa melakukan aktiviti bersama (menderma darah mahu pun beriadah) dan saling bergantung antara satu sama lain dari segi bantuan. Bagi informan, keakraban dengan penderma darah lain mengukuhkan aspek-aspek motivasi yang mendorong niat menderma darah dalam diri mereka. Informan beranggapan melalui hubungan dengan penderma darah lain, keadaan berkenaan dapat membantu mengukuhkan sikap positif mereka terhadap tindakan menderma darah. MSPD dalam jaringan penderma darah turut dilihat sebagai agen penghalang penilaian negatif akibat pengalaman buruk penderma darah. Hal ini disebabkan ada di antara informan turut berhadapan dengan pengalaman tidak menyenangkan semasa menderma darah (ketakutan terhadap jarum atau tidak selesa semasa menderma darah). Dalam erti kata lain, keakraban yang ditunjukkan melalui sikap mempercayai dalam hubungan berkenaan membantu mengekalkan

sikap positif terhadap pendermaan darah memandangkan penderma darah lain saling memberi dorongan atau nasihat berkaitan pendermaan darah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa jaringan individu dengan ciri yang sama, iaitu sebagai penderma darah dapat memperkukuhkan sikap terhadap sesuatu tindakan. Jaafar et al. (2016) melihat jaringan sosial sebagai platform yang berpotensi untuk menggerakkan motivasi penderma darah agar kekal dalam aktiviti berkenaan. Hal ini berikutan penilaian yang sama antara ahli dalam jaringan sosial penderma darah di mana mereka saling menyokong dan berkongsi maklumat berkaitan aktiviti menderma darah. Melalui aktiviti sedemikian, penderma darah mempunyai kecenderungan untuk terus terlibat dalam aktiviti pendermaan darah.

Selain itu, MSPD turut dilihat berupaya mengukuhkan efikasi diri informan untuk menderma darah. Hal ini dapat dilihat melalui hubungan timbal balik iaitu saling memberikan sokongan dan bantuan untuk menjayakan niat menderma darah. Sebagai penderma darah, mereka terdedah untuk berhadapan dengan masalah fizikal yang boleh menjadi penghalang kepada tindakan menderma darah seperti kesuntukan masa, kurang komitmen atau ketakutan terhadap jarum. Bagi individu yang menderma darah secara kerap, mereka masih turut berhadapan dengan perasaan negatif seperti bimbang malahan risau semasa menderma darah (Menezes, Sousa dan Cunha 2015). Justeru, hubungan dengan penderma darah yang dianggap rapat dan praktikal dapat membantu penderma darah mengukuhkan efikasi diri, iaitu keyakinan untuk menderma darah sebagaimana yang dirancang. Hal ini disebabkan dalam hubungan antara informan dengan penderma darah, amalan saling mengingatkan untuk menderma darah dapat membantu mereka kekal dalam aktiviti ini secara konsisten. Sebagaimana yang dibincangkan oleh Putnam (2000), hubungan antara individu membawa kepada pengukuhan nilai-nilai positif yang berkaitan dengan aktiviti berkebajikan. Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa dengan mempunyai kepercayaan kepada individu lain, aspek berkenaan dapat mengukuhkan nilai dalaman individu terhadap tindakan menderma darah. Dapatan ini juga menunjukkan nilai kepercayaan terhadap individu lain berupaya membawa kepada tindakan menderma darah melalui nilai-nilai dalaman.

Bagi norma subjektif pula, dapatan temu bual bersama informan mencadangkan aspek yang dinilai sebagai persepsi set kepercayaan terhadap niat menderma darah turut menjadi sebahagian pendorong kepada niat menderma darah. Dalam konteks MSPD, informan menggambarkan hubungan akrab antara mereka dengan penderma darah lain turut memberikan tekanan kepada penderma darah. Dapatan temu bual ini mencadangkan bahawa permintaan atau tindakan individu lain daripada penderma darah lain yang dianggap akrab dengan mereka merupakan satu bentuk tekanan sosial untuk mereka terus menderma darah. Dapatan ini mencadangkan dalam tindakan menderma darah, pertanyaan tentang status pendermaan atau makluman berkaitan kempen menderma darah yang

merupakan sekadar komunikasi biasa boleh membawa kepada persepsi tekanan sosial kepada penderma darah. Hal ini disebabkan interaksi daripada individu lain berkaitan maklumat pendermaan darah dipersepsikan sebagai gambaran agar mereka melaksanakan aktiviti berkenaan. Ringkasnya, tindakan berkenaan boleh dilihat mempengaruhi aspek tekanan sosial kepada kumpulan penderma darah.

Faktor MSPD dalam konteks hubungan dengan penderma darah lain dilihat turut memperkukuhkan aspek tanggungjawab sosial informan sebagai pendorong terhadap niat menderma darah. Keakraban yang digambarkan melalui kepercayaan dan amalan timbal balik dikaitkan dengan pengukuhan rasa tanggungjawab sosial dalam diri mereka sebagai penderma darah. Hubungan dengan penderma darah lain dilihat membantu informan mengawal gaya hidup agar dapat memberikan darah yang sihat untuk kebaikan penerima darah serta dorongan untuk sama-sama memberi maklum balas semasa krisis bekalan darah. Dalam erti kata lain, hubungan akrab dalam jaringan sosial berupaya membentuk nilai bertanggungjawab dalam diri penderma darah. Berdasarkan dapatan tersebut, pengkaji berpandangan bahawa perkongsian nilai (*shared value*) wujud dalam jaringan yang mempunyai persamaan ciri. Dalam kajian ini, persamaan ciri dalam kumpulan merupakan jaringan penderma darah. Jaringan sosial berpotensi sebagai satu platform untuk menggalakkan penderma darah berinteraksi seterusnya membina identiti sebagai satu kumpulan sukarelawan dalam aktiviti berkenaan (Frye et al. 2018). Berdasarkan pendapat informan kajian ini, nilai bertanggungjawab terhadap masyarakat didapati wujud dalam keadaan hubungan akrab dengan penderma darah lain. Melalui perkongsian nilai bertanggungjawab, situasi berkenaan menggalakkan penderma darah untuk konsisten dalam tindakan berkenaan.

Selain itu, MSPD turut memainkan peranan ke atas tabiat untuk menderma darah dalam jaringan sosial akrab. Melalui temu bual, informan menyatakan bahawa mereka mengamalkan timbal balik dalam konteks saling mengingatkan antara rakan dan ahli keluarga penderma darah untuk bersama-sama menderma darah. Melalui timbal balik yang diamalkan dalam jaringan sosial penderma darah, aspek berkenaan dilihat berupaya mengekalkan tindakan menderma darah secara konsisten melalui tindakan saling mengingatkan serta menyokong tindakan menderma darah. Selain daripada hubungan akrab yang wujud dalam MSPD sebagai pendorong aspek psikologi penderma darah, dapatan kajian turut menunjukkan wujud *linking* dengan institusi pengurusan bekalan darah. Berdasarkan temu bual, MSPD melalui *linking* dilaporkan wujud sebagai pendorong bagi aspek identiti penderma darah dan sifat berkebakjikan.

Dalam kajian ini juga, MSPD yang wujud dalam konteks *linking* antara informan dengan pusat pengurusan bekalan darah, iaitu PDN yang menjadi pendorong terhadap identiti sebagai penderma darah. Faktor MSPD terhadap PDN dilihat mengukuhkan identiti mereka sebagai penderma darah melalui

penghargaan yang diterima. Rasa dihargai sebagai penderma darah diperoleh melalui ucapan terima kasih oleh kakitangan PDN. Kajian terdahulu turut melaporkan keadaan di mana penderma darah berasa dihargai oleh kakitangan pusat pengurusan bekalan darah seterusnya dapat mengekalkan motivasi untuk menderma darah pada masa akan datang (Jaafar, Chong dan Alavi 2017). Sebagai penderma darah, walaupun sumbangan yang diberikan adalah sedikit, namun, mampu memberikan impak yang besar kepada penerima darah. Oleh yang demikian, penghargaan kecil daripada kakitangan pusat pengurusan bukan sahaja dapat mewujudkan rasa gembira dan bangga dengan pendermaan yang dilakukan, malah membuatkan mereka rasa dihargai. Selain itu, informan turut menyatakan bahawa mereka mempercayai pusat pengurusan bekalan darah untuk menyalurkan sumbangan kepada individu yang memerlukan darah. Kepercayaan dengan pusat pengurusan bekalan darah memainkan peranan penting terhadap pemupukan identiti penderma darah. Sebagai PDUB, informan melihat kempen pendermaan darah sebagai platform untuk mengukuhkan identiti sosial sebagai penderma darah. Informan melihat peluang untuk berjumpa dengan penderma darah semasa kempen menderma darah sebagai faktor yang membantu mengukuhkan identiti sebagai penderma darah.

Selain itu, hubungan dengan PDN melalui MSPD turut memainkan peranan terhadap aspek sifat berkebakjikan. Sifat berkebakjikan merupakan tindakan yang mendatangkan emosi positif melalui rasa gembira, bangga dan peningkatan sendiri selepas sesuatu tindakan diambil. Dalam konteks kajian, informan menyatakan tindakan menderma darah yang berjaya dilakukan dapat memberikan rasa gembira kepada diri mereka. Ferguson (2015) turut berpandangan bahawa jaringan sosial penderma darah sebagai mekanisme yang menggalakkan konsep berkebakjikan agar meneruskan tindakan berkenaan secara konsisten. Dalam erti kata lain, jaringan sosial memainkan peranan penting terhadap pembentukan nilai dalaman penderma darah agar kekal dalam aktiviti berkenaan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati *linking* antara informan dengan PDN mengukuhkan sifat berkebakjikan informan. Kepercayaan yang ditunjukkan oleh informan kepada PDN berkaitan dengan saluran sumbangan yang betul, dilihat dapat mengukuhkan sifat berkebakjikan yang melahirkan rasa gembira kepada informan. Kajian ini mencadangkan kepercayaan kepada institusi pengurusan bekalan darah merupakan perkara penting yang dapat mengekalkan individu sebagai PDUB. Ringkasnya, peranan jaringan sosial berupaya membentuk sifat berkebakjikan dalam diri seseorang sebagai salah satu daripada faktor motivasi terhadap niat menderma darah.

Seterusnya, MSG menggambarkan hubungan antara informan dengan manusia umum dalam konteks hubungan yang bersifat luaran (*bridging*). Kepercayaan informan terhadap individu yang tidak dikenali dapat dilihat melalui tindakan mereka yang memberikan bantuan kepada mangsa kemalangan

jalan raya. Dalam keadaan ini, informan mengaitkan MSG dengan kepekaan berempati yang mendorong niat untuk menderma darah. Bagi informan, melihat dan membantu mangsa kemalangan memberi kesan empati dalam diri mereka sekaligus menguatkan keinginan untuk menderma darah. Konsep MSG berpotensi mendorong seseorang untuk terlibat dalam aktiviti berkonsepkan kemasyarakatan turut diperkatakan oleh Wise dan Driskell (2017). Dalam jaringan sosial umum, individu berinteraksi sesama mereka atas konsep *bridging* yang turut memainkan peranan dalam perlakuan seseorang. Wise dan Driskell (2017) berpendapat bahawa penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan boleh berlaku secara umum dan tidak semestinya dalam kelompok individu yang mempunyai persamaan. Perkara tersebut dapat dikaitkan dengan dapatan kajian ini di mana kumpulan penderma darah memberikan bantuan kepada individu yang memerlukan tanpa mempunyai hubungan yang rapat. Selain itu, MSG merupakan hubungan berlandaskan kepercayaan dan timbal balik terhadap manusia di mana ia berlaku dalam konteks norma umum. Dalam kajian ini, norma umum ialah memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Maklumat dalam temu bual bersama PDUB memberikan gambaran yang lebih komprehensif dalam konteks pendermaan darah. Elemen kepercayaan dan sanggup bertimbal balik kepada individu lain tanpa mengira latar belakang berperanan sebagai pendorong terhadap elemen berempati dalam konteks menderma darah. Dalam erti kata lain, modal sosial berupaya menjelaskan elemen kepekaan berempati dalam konteks tingkah laku prososial yang bersifat khusus, iaitu pendermaan darah.

Berdasarkan temu bual, informan telah mengaitkan MSPD dan MSG dengan lapan aspek motivasi menderma darah yang mendorong niat mereka untuk terus menderma darah. Aspek kepercayaan dan konsep timbal balik digambarkan sebagai nilai yang mengukuhkan sikap, efikasi diri, tanggungjawab sosial, tabiat menderma darah, identiti sebagai penderma, sifat berkebakjikan dan kepekaan berempati. Manakala dua aspek motivasi lagi iaitu altruisme dan jangkaan penyesalan tidak dikaitkan dengan sebarang konsep dalam MSPD dan MSG bagi mana-mana informan. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji berpandangan terdapat dua justifikasi yang menjelaskan peranan altruisme dan jangkaan penyesalan dengan niat menderma darah sebagai aspek yang berdiri sendiri dalam diri informan kajian ini.

Pertama, aspek altruisme wujud dalam diri penderma darah tanpa didorong oleh jaringan sosial mencadangkan bahawa pengorbanan untuk menyelamatkan nyawa individu lain adalah satu tindakan yang bersifat peribadi. Hal ini bermakna seseorang individu tidak perlu mempercayai atau melakukan timbal balik untuk melakukan sesuatu yang dapat menyelamatkan nyawa lain. Dalam temu bual ini, konsep altruisme tidak dinyatakan oleh semua informan, sebaliknya segelintir sahaja yang memperkatakan mengenai aspek ini sebagai motivasi menderma darah. Sementara itu, Pentecost, Arli dan Thiele (2017)

berpandangan bahawa individu yang merasakan mereka mempunyai kawalan terhadap proses pembuatan keputusan, cenderung untuk terlibat dalam aktiviti berkaitan kesihatan diri, terutama pendermaan darah. Dalam erti kata lain, individu mempunyai kebarangkalian untuk berkorban demi individu lain apabila mereka mempunyai kawalan terhadap keputusan yang bakal dilakukan. Oleh yang demikian, konsep pengorbanan dianggap tidak dipengaruhi oleh faktor sosial penderma darah. Kedua, jangkakan penyesalan merupakan gambaran emosi negatif yang bakal dialami jika informan tidak menderma darah juga didapati tidak dikaitkan dengan sebarang bentuk hubungan dengan individu lain. Dalam kajian ini, jangkakan penyesalan yang digambarkan oleh informan melalui rasa bersalah, marah, sedih mahupun kecewa kerana tidak dapat menderma darah merupakan emosi tersendiri bagi penderma darah. Kegagalan menderma darah yang dikaitkan dengan emosi negatif dapat dikaitkan dengan perancangan yang dilakukan oleh informan untuk menderma darah. Kesungguhan untuk menderma darah telah digambarkan melalui perancangan rapi seperti kawalan diet, emosi dan kesihatan diri. Maka, kegagalan untuk menderma darah setelah perancangan dilakukan dijangka mendatangkan emosi negatif memandangkan perancangan yang dilakukan adalah berkisar diri penderma darah sahaja tanpa melibatkan aspek kepercayaan dan timbal balik dengan individu lain.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian ini dibincangkan dalam konteks praktikal yang berkaitan pembentukan polisi untuk menguruskan niat menderma darah melalui aspek-aspek motivasi bagi kumpulan PDUB. Seterusnya, ia membantu pihak pengurusan bekalan darah merangka kempen dan program bagi menarik lebih ramai penderma darah melalui peneguhan MSPD dan MSG. Berikut merupakan perincian bagi setiap cadangan implikasi praktikal daripada hasil kajian ini.

Pembentukan Polisi Berkaitan Manfaat Modal Sosial dalam Jaringan Sosial Penderma Darah

Dapatan kajian ini boleh digunakan untuk tujuan pembentukan polisi yang memberikan fokus kepada manfaat modal sosial dan jaringan sosial penderma darah kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan PDN. Polisi yang dirangka perlu mempertimbangkan aspek modal sosial dan jaringan sosial, sama ada umum atau khusus bagi kumpulan penderma darah. Sebagai contoh, penderma darah perlu digalakkan untuk hadir menderma darah bersama-sama dengan penderma darah yang lain. Melalui jaringan sosial penderma darah yang turut mengandungi elemen modal sosial, keadaan sedemikian dijangka

dapat mendorong individu terus menderma. Sebagai contoh, penderma darah yang hadir bersama-sama penderma darah yang lain secara tidak langsung berupaya mengukuhkan sikap positif terhadap aktiviti berkenaan. Penderma darah yang hadir bersama-sama penderma darah lain perlu mendapat manfaat dari segi penjagaan diri seperti pemberian kupon atau produk kesihatan sebagai penghargaan kepada mereka. Melalui penghargaan sedemikian, ia dijangka mampu mendorong pengukuhan modal sosial penderma darah secara umum dan sesama penderma darah. Oleh itu, polisi pengurusan motivasi menderma darah perlu mengukuhkan modal sosial penderma darah sama ada dalam jaringan sosial umum atau sesama penderma.

Maklumat yang Bersesuaian dalam Kempen Promosi Menderma Darah

Kempen-kempen sasaran menderma darah dicadangkan untuk mempertimbangkan aspek modal sosial sebagai strategi bagi menarik lebih ramai penderma darah sebagai penyumbang yang konsisten. Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa penderma darah cenderung menderma darah apabila mereka mempunyai ahli keluarga, rakan atau individu lain yang turut serta melakukan aktiviti berkenaan. Penggunaan perkataan mahupun ayat yang menunjukkan modal sosial jaringan sosial mampu memberikan impak untuk mendorong seseorang menderma darah. Penggunaan perkataan yang mempamerkan aspek kepercayaan dan timbal balik perlu dimasukkan ke dalam poster-poster menderma darah sebagai slogan kempen. Antara slogan yang boleh dipertimbangkan seperti “KAMI adalah penderma darah” ataupun “Penderma darah bukan berseorangan, KAMI saling menyokong”. Penggunaan perkataan “KAMI” dalam slogan-slogan kempen berupaya menunjukkan perasaan kekitaan dalam melaksanakan aktiviti ini. Ringkasnya, melalui dapatan kajian ini, kempen promosi yang memberikan fokus kepada slogan yang mengandungi elemen modal sosial boleh diaplikasikan untuk tujuan promosi pendermaan berkumpulan.

SARANAN KAJIAN AKAN DATANG

Kajian akan datang disarankan untuk meneroka kaedah yang lebih sesuai bagi mengukuhkan modal sosial dalam jaringan sosial di mana ia dijangka mampu mendorong lebih ramai individu tampil menjadi sukarelawan penderma darah. Kaedah yang lebih praktikal melalui kempen-kempen menderma darah perlu dinilai keberkesannya melalui kajian jangka panjang (*longitudinal research*). Selain itu, kajian akan datang diharap dapat meneroka elemen budaya dalam konteks penderma darah di Malaysia. Melalui kepelbagaian budaya dan agama yang wujud dalam kalangan rakyat Malaysia, titik persefahaman dapat dicapai

dalam penglibatan aktiviti kesukarelawan. Dapatan kajian dijangka dapat memberikan maklumat yang lebih jelas berkaitan pembentukan modal sosial jaringan sosial penderma darah di negara ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, keputusan temu bual mendapati modal sosial iaitu kepercayaan dan timbal balik memainkan peranan yang mengukuhkan aspek-aspek kemanusiaan informan agar mereka terus mempunyai niat menderma darah. Modal sosial yang berlaku dalam jaringan sosial penderma darah, iaitu MSPD dikaitkan oleh penderma darah sebagai pengukuh terhadap aspek sikap positif, keyakinan diri, norma subjektif, identiti sebagai penderma darah, altruisme serta sifat berkebakikan yang membawa kepada niat menderma darah secara berterusan. Manakala MSG pula dikaitkan sebagai pengukuh kepekaan berempati. Ringkasnya, aspek modal sosial dilihat memainkan peranan signifikan terhadap aspek-aspek kemanusiaan yang mendorong seseorang untuk menderma darah.

PENGHARGAAN

Makalah ini berdasarkan projek kajian “Penerokaan Modal Sosial dan Aspek Psikologikal Melalui Kaedah Analisis Jaringan Sosial dalam Kalangan Penderma Darah (GGPM-2013-013).”

RUJUKAN

- Adler, P.S. and S. Kwon. 2002. Social capital: Prospects for a new concept. *The Academy of Management Review* 27(1): 17–40. <https://doi.org/10.5465/amr.2002.5922314>
- Bang, H., M.A. Odio and T.G. Reio. 2014. The moderating role of brand reputation and moral obligation: An application of the theory of planned behavior. *Journal of Management Development* 33(4): 282–298. <https://doi.org/10.1108/JMD-12-2010-0102>
- Bourdieu, P. 1983. Economic capital, cultural capital, social capital. *Soziale-Welt Supplement* 2:183–198.
- Caspersz, D. and D. Oлару. 2015. Why do students differ in the value they place on pro-social activities? *Journal of Sociology* 51(4): 1017–1038. <https://doi.org/10.1177/1440783313492239>
- Charng, H.W., J.A. Piliavin and P.L. Callero. 1988. Role identity and reasoned action in the prediction of repeated behavior. *Social Psychology Quarterly* 51(4): 303–317. <https://doi.org/10.2307/2786758>

- Christopoulos, D. and S. Vogl. 2015. The motivation of social entrepreneurs: The roles, agendas and relations of altruistic economic actors. *Journal of Social Entrepreneurship* 6(1): 1–30. <https://doi.org/10.1080/19420676.2014.954254>
- Cote, S. and I. Hideg. 2011. The ability to influence others via emotion displays: A new dimension of emotional intelligence. *Organizational Psychology Review* 1(1): 53–71. <https://doi.org/10.1177/2041386610379257>
- Coleman, J.S. 1988. Social capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology* 94: 95–120. <https://doi.org/10.1086/228943>
- Ferguson, E. 2015. Mechanism of altruism approach to blood donor recruitment and retention: A review and future directions. *Transfusion Medicine* 25(4): 211–226. <https://doi.org/10.1111/tme.12233>
- Fiddler, J.A. 2003. Social capital, trust foundation and risk construction as social determinants of blood donation. MA. diss., University of British Columbia.
- Flanagan, C.A., T. Kim, J. Collura and M.A. Kopish. 2015. Community service and adolescents' social capital. *Journal of Research on Adolescence* 25(2): 295–309. <https://doi.org/10.1111/jora.12137>
- France, J.L., C.R. France and L.K. Himawan. 2007. A path analysis of intention to redonate among experienced blood donors: An extension of the theory of planned behavior. *Transfusion* 47(6): 1006–1013. <https://doi.org/10.1111/j.1537-2995.2007.01236.x>
- Frye, V., L. Duffy, J.L. France, D.A. Kessler, M. Reboza, B.H. Shaz, B.W. Carlson and C.R. France. 2018. The development of a social networking–Based relatedness intervention among young, first-time blood donors: Pilot study. *JMIR Public Health and Surveillance* 4(2): e44. <https://doi.org/10.2196/publichealth.8972>
- Godin, G., M. Conner, P. Sheeran, A. Bélanger-Gravel and M. Germain. 2007. Determinants of repeated blood donation among new and experienced blood donors. *Transfusion* 47(9): 1607–1615. <https://doi.org/10.1111/j.1537-2995.2007.01331.x>
- Godin, G. and M. Germain. 2013. Predicting first lifetime plasma donation among whole blood donors. *Transfusion* 53(5): 157–161. <https://doi.org/10.1111/trf.12475>
- Gonçalez, T.T., C.D.L. Oliveira, A.B.F. Carneiro-Proietti, E.C. Moreno, C. Miranda, N. Larsen, D. Wright, et al. 2013. Motivation and social capital among prospective blood donors in three large blood centers in Brazil. *Transfusion* 53(6): 1291–1301. <https://doi.org/10.1111/j.1537-2995.2012.03887.x>
- Herian, M.N., L. Tay, J.A. Hamm and E. Diener. 2014. Social capital, ideology, and health in the United States. *Social Science & Medicine* 105: 30–37. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2014.01.003>
- Juliana Rosmidah Jaafar, S.T. Chong and Khadijah Alavi. 2017. Experience as factors associated with repeat blood donation among university students in Malaysia. *Southeast Asian Journal of Tropical Medicine and Public Health* 48(5): 1118–1126.
- Juliana Rosmidah Jaafar, S.T. Chong, Asmawati Desa, Khadijah Alavi and W.S. Kam. 2016. Patterns of social support and the intention to donate blood among blood donors. *AKADEMIKA* 86(1): 43–53.

- Lemmens, K.P.H., C. Abraham, R.A.C. Ruiter, I.J.T. Veldhuizen, C.J.G. Dehing, A.E.R. Bos and H.P. Schaalma. 2009. Modelling antecedents of blood donation motivation among non-donors of varying age and education. *British Journal of Psychology* 100: 71–90. <https://doi.org/10.1348/000712608X310237>
- Lu, J. and M.A. Schuett. 2014. Examining the relationship between motivation, enduring involvement and volunteer experience: The case of outdoor recreation voluntary associations. *Leisure Sciences* 36(1): 68–87. <https://doi.org/10.1080/01490400.2014.860791>
- Masser, B.M., K.M. White, M.K. Hyde and D.J. Terry. 2008. The psychology of blood donation: Current research and future directions. *Transfusion Medicine Review* 22: 215–233. <https://doi.org/10.1016/j.tmr.2008.02.005>
- Menezes, A.G., C.V. Sousa and G.R. Cunha. 2015. Motivational aspects in blood donation: An analysis under the perspective of marketing theories. *Bus Manag Review* 4(5): 330–341.
- Narayan, D. and M.F. Cassidy. 2001. A dimensional approach to measuring social capital: Development and validation of a social capital inventory. *Current Sociology* 49(2): 59–102. <https://doi.org/10.1177/0011392101049002006>
- Obradovic, J. and A.S. Masten. 2007. Developmental antecedents of young adult civic engagement. *Applied Developmental Science* 11(1): 2–19. <https://doi.org/10.1080/10888690709336720>
- Oliveira, C.D.L., T. Goncalvez, D. Wright, P.C. Rocha, C. Miranda, L. Capuani, A.B. Carneiro-Proietti, et al. 2013. Relationship between social capital and test seeking among blood donors in Brazil. *Vox Sanguinis* 104(2): 100–109. <https://doi.org/10.1111/j.1423-0410.2012.01643.x>
- Pennings, G. 2005. Demanding pure motives for donation: The moral acceptability of blood donations by haemochromatosis patients. *Journal of Medical Ethics* 31(2): 69–72. <https://doi.org/10.1136/jme.2002.001271>
- Pentecost, R., D. Arli and S. Thiele. 2017. It's my choice! Investigating barriers to pro-social blood donating behaviour. *Marketing Intelligence & Planning* 35(2): 243–258. <https://doi.org/10.1108/MIP-03-2016-0055>
- Pooley, J.A., L. Cohen and L.T. Pike. 2005. Can sense of community inform social capital. *The Social Science Journal* 42(1): 71–79. <https://doi.org/10.1016/j.soscij.2004.11.006>
- Putnam, R.D. 2000. *Bowling alone: The collapse and revival of American community*. New York: Simon & Schuster. <https://doi.org/10.1145/358916.361990>
- Ringwald, J., R. Zimmermann and R. Eckstein. 2010. Keys to open the door for blood donors to return. *Transfusion Medicine Reviews* 24: 295–304. <https://doi.org/10.1016/j.tmr.2010.05.004>
- Sato, Y., T. Pongvongsa, D. Nonaka, S. Kounnavong, P. Nansounthavong, K. Moji, P. Phongmany, et al. 2014. Village health volunteers' social capital related to their performance in Lao People's Democratic Republic: A cross-sectional study. *BMC Health Services Research* 14: 123. <https://doi.org/10.1186/1472-6963-14-123>

- Shepherd, D.A. and M.S. Cardon. 2009. Negative emotional reactions to project failure and the self-compassion to learn from the experience. *Journal of Management Studies* 46(6): 923–949. <https://doi.org/10.1111/j.1467-6486.2009.00821.x>
- Stone, W. and J. Hughes. 2002. Measuring social capital: Toward a standardised approach. *Persidangan Australasian Evaluation Society International* 3(9214): 7820.
- Stukas, A.A., M. Snyder and E.G. Clary. 2016. Understanding and encouraging volunteerism and community involvement. *The Journal of Social Psychology* 156: 243–255. <https://doi.org/10.1080/00224545.2016.1153328>
- Wise, J. and R. Driskell. 2017. Tolerance within community: Does social capital affect tolerance? *Social Indicators Research* 134(2): 607–629. <https://doi.org/10.1007/s11205-016-1449-4>